

25 NOV 1996

TABUNG HAJI DAN JPDC NAK MAJUKAN LADANG SAWIT DI MINDANAO

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Lembaga Tabung Haji dan Janoub Philippines Development Corporation, Inc (JPDC) akan memajukan sebuah ladang kelapa sawit seluas 5,500 hektar di Mindanao.

Satu perjanjian bagi usaha sama tersebut yang merupakan projek pertama Tabung Haji dalam industri minyak sawit republik tersebut, telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak di ibu pejabat Tabung Haji di sini hari ini.

Pengerusi Tabung Haji Datuk Ahmad Razali Mohd Ali, yang menandatangani bagi pihak agensi itu, berkata ladang tersebut, yang terletak di Lanao Del Sur merupakan sebahagian daripada kira-kira 300,000 hektar yang akan dimajukan lengkap dengan kilang pemprosesan dan kilang penapisan oleh syarikat usaha sama itu.

JPDC telah diwakili oleh pengerusinya, Datu Haji Abul Khayr D.Alonto.

"Tabung Haji telah memulakan kerja di atas tanah seluas 5,500 hektar yang dianggarkan menelan belanja RM64 juta atau 640 juta peso," Ahmad Razali memberitahu Bernama kemudiannya.

Tabung Haji, yang telah menubuhkan sebuah pejabat di Mindanao bagi mengikuti perkembangan projek tersebut, berharap keseluruhan usaha niaga ini akan mewujudkan sekurang-kurangnya 700 pekerjaan kepada penduduk pulau itu, katanya.

Dalam ucapannya pada upacara menandatangani perjanjian itu, Abul Khayr berkata usaha niaga ini akan menjadi perintis kepada kerjasama di antara Mindanao dan negara-negara Asia Timur yang lain di masa akan datang.

Perjanjian usaha sama ini adalah ekoran daripada komitmen Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Pentadbiran Ramos untuk membantu memajukan penanaman kelapa sawit di Mindanao. -- BERNAMA

HAB KY MA